

Embong minta rakyat tunggu hasil 3M

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

BONGKAK, Jumaat — Rakyat hari ini diminta memberi perhatian kepada kerajaan melaksanakan rancangan 3M dan kemampuannya bersama pula menyaksikan kesannya.

Tindakan Menteri Pengerusi Datuk Haji Ismail Yusoff ketika membina program itu berkata, adalah tidak wajar mengesahkan rancangan 3M itu kerana ia belum dicuba dan hasilnya belum diketahui.

Tambahnya ketika menghadiri mesyuarat apung UMNO cawangan Kajang Tambak, "Rancangan 3M ialah untuk melahirkan pelajar-pelajar yang boleh membaca, menulis dan mengira di peringkat asas, dan melahirkan masyarakat yang berprestasi di masa depan."

Isu politik

Bulan yang juga Ketua Pengerusi UMNO Malaysia menekankan perlunya UMNO kekal mengawal pemerintahan negara ini kerana ia telah membuktikan kemampuannya memerintah negara ini dengan adil dan saksama serta membawa perubahan dan kejayaan besar bagi semua rakyat.

Di Pulau Pinang, Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu menyeru ibu bapa memberi sokongan penuh untuk menjayakan sistem 3M dan mengingatkan mereka jangan menjadikannya isu politik.

Dalam sidang akhbar mingguan, Dr. Lim

berkata, tetapi dan persatuan-persatuan bendahalah memberi kerjasama mereka menjayakan sistem tersebut.

Dr. Lim berharap malam sistem tersebut ditahap oleh orang ramai.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas persoalan tersebut yang kini menjadi isu politik.

Dr. Lim kemudian membidas ketua pembangkang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Encik Karpal Singh (DAP - Bukit Gelugor) kerana mencabar kuasa Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Haji Hassan Noh.

Bongkak

Encik Karpal tidak sepatutnya berbuat demikian kepada Speaker, katanya.

Tambahnya, tindakan Encik Karpal menunjukkan sikap bongkaknya.

Dr. Lim mencabar Encik Karpal meletakkan jawatannya sebagai ahli Dewan Undangan Negeri kawasan yang diwakilinya itu.

Katanya, Encik Karpal hendaklah menukar sikap yang pernah ditunjukkannya dalam Dewan Undangan Negeri.

"Saya sedar kenyataan ini akan dibalas oleh Encik Karpal tetapi penjelasan ini penting untuk kepentingan umum."

Menyentuh tentang pembinaan jambatan Pulau Pinang pula, Dr. Lim berharap pihak yang mengendalikan projek tersebut dapat bekerjasama dengan pihak berkuasa negeri Pulau Pinang.